



PEJABAT SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT

PARLIMEN MALAYSIA  
BANGUNAN PARLIMEN  
JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

Telefon: 603-2072 3161/2079 7391  
Faks: 603-2070 4676 (SUDR)  
E-mail: roosme@parlimen.gov.my  
info@parlimen.gov.my  
Laman Web: http://www.parlimen.gov.my

28 Januari, 2011

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (87) dlm.PAR.3/350

**Yang Berhormat  
Ahli-ahli Dewan Rakyat**

Yang Berhormat,

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS**

Dengan hormatnya dimaklumkan menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 9(2)(a) iaitu Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parliment Kedua Belas akan diadakan pada tarikh-tarikh yang berikut:-

**1. TARIKH PERASMIAN PARLIMEN OLEH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Pada hari Isnin, 7 Mac, 2011, jam 10.00 pagi

**2. TARIKH-TARIKH MESYUARAT**

**DEWAN RAKYAT**

1.	Isnin	* 7 Mac, 2011	11.	Rabu	23 Mac, 2011
2.	Selasa	8 Mac, 2011	12.	Khamis	24 Mac, 2011
3.	Rabu	9 Mac, 2011	13.	Isnin	28 Mac, 2011
4.	Khamis	10 Mac, 2011	14.	Selasa	29 Mac, 2011
5.	Isnin	14 Mac, 2011	15.	Rabu	30 Mac, 2011
6.	Selasa	15 Mac, 2011	16.	Khamis	31 Mac, 2011
7.	Rabu	16 Mac, 2011	17.	Isnin	4 April, 2011
8.	Khamis	17 Mac, 2011	18.	Selasa	5 April, 2011
9.	Isnin	21 Mac, 2011	19.	Rabu	6 April, 2011
10.	Selasa	22 Mac, 2011	20.	Khamis	7 April, 2011

**Jumlah Hari Mesyuarat = 20 hari**

**\* Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Majlis Parliment Yang Kedua Belas**

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

[Sila lihat Takwim Parlimen bagi Penggal Keempat, Parlimen Kedua Belas 2011 / Lampiran]

### DEWAN NEGARA

1.	Isnin	* 7 Mac, 2011	6.	Isnin	25 April, 2011
2.	Isnin	18 April, 2011	7.	Selasa	26 April, 2011
3.	Selasa	19 April, 2011	8.	Rabu	27 April, 2011
4.	Rabu	20 April, 2011	9.	Khamis	28 April, 2011
5.	Khamis	21 April, 2011			

\* Istiadat Pembukaan Penggal Keempat, Majlis Parlimen Yang Kedua Belas

Jumlah Hari Mesyuarat = 9 hari

### 3. TARIKH-TARIKH MESYUARAT KEDUA DAN KETIGA TAHUN 2011

Mesyuarat Kedua – 13 Jun hingga 28 Jun, 2011 (10 hari)

Mesyuarat Ketiga – 3 Oktober hingga 7 Disember , 2011 (35 hari)

Takwim Parlimen bagi Penggal Keempat, Parlimen Kedua Belas (2011) dilampirkan bersama-sama ini. (Lampiran)

### 4. WAKTU PERSIDANGAN

Waktu persidangan ialah dari pukul **10.00 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.30 petang hingga 5.30 petang** pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

### 5. TEMPAT MESYUARAT

Mesyuarat-mesyuarat Dewan Rakyat akan diadakan di Dewan Mesyuarat Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.

**6. TARIKH-TARIKH TUTUP MENERIMA PEMBERITAHUAN**

6.1 Adalah dimaklumkan iaitu pemberitahuan-pemberitahuan urusan untuk dipertimbangkan di Mesyuarat ini hendaklah dihantar seberapa segera yang boleh dan sampai ke Pejabat ini tidak lewat daripada tarikh-tarikh yang dinyatakan di bawah:

**6.1.1 Pertanyaan-pertanyaan (Jawab Lisan/Bertulis)**

Jumaat, 11 Februari, 2011, jam 5.00 petang.

Kerjasama Ahli Yang Berhormat amatlah dihargai agar tidak menghantar pemberitahuan pertanyaan pada saat-saat akhir. Harap ambil perhatian perkara di para 2(i) dalam NOTA berlampir.

**6.1.2 Nombor-nombor Faks untuk menghantar Pertanyaan Lisan/Bertulis/Usul**

**Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat**

**Y.Bhg. Datuk Roosme binti Hamzah**

**Nombor Faks : 03-20704676**

**Cawangan Perundangan, Bahagian Pengurusan Dewan**

**Encik Amisyahrizan bin Amir Khan atau**

**Encik Mohd Ikram bin Rahimi**

**Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim**

**Encik Zulfazly bin Mohammad**

**Nombor Faks : 03-20317972**

**6.1.3 Usul-usul**

Tarikh tutup penerimaan Usul-usul adalah tertakluk kepada jenis-jenis usul dan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Buku Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pemberitahuan Usul hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Dewan Rakyat atau Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan ditandatangani - PM 27 (2) dan 18 (2).

**6.1.4 Usul mengenai Rang Undang-undang daripada Ahli yang bukan Ahli Kerajaan**

Tarikh tutup penerimaan usul ini hendaklah tidak kurang daripada empat belas hari (14) sebelum sesuatu hari persidangan bermula - PM 27 (3) dan PM 49 (2).

- 6.2 Satu nota mengenai Pertanyaan-pertanyaan, Usul-usul dan Rang Undang-undang daripada Ahli yang bukan Ahli Kerajaan disertakan bersama ini untuk panduan Yang Berhormat.
- 6.3 Pemberitahuan-pemberitahuan urusan hendaklah ditandatangani oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri.
7. Bagi memudahkan urusan surat-menyerat, adalah diharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberi butir alamat kediaman dan nombor telefon (sebaik-baiknya telefon bimbit) pilihan masing-masing sama ada secara perseorangan ataupun berkumpulan semasa berada di Kuala Lumpur dalam masa persidangan bagi membolehkan pejabat ini menghantar dokumen dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan mesyuarat ini.
8. Ahli-ahli Yang Berhormat adalah diingatkan bahawa Pemberitahuan Pertanyaan-pertanyaan, Usul-usul dan lain-lain, hendaklah dibuat dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun terjemahan pertanyaan-pertanyaan dalam Bahasa Inggeris, jika dikirimkan bersama, adalah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



[DATUK ROOSME BINTI HAMZAH]

Setiausaha Dewan Rakyat

Parlimen Malaysia.

DEWAN RAKYATNOTAPERTANYAAN-PERTANYAAN

(Jawab Lisan/Bertulis)

(Lihat Peraturan-peraturan Mesyuarat 21, 22, 23, 24)

1. Tertakluk kepada maksimum 10 pertanyaan bagi Jawab Lisan dan 5 Pertanyaan bagi Jawab Bertulis yang dibolehkan, seseorang Ahli boleh mengeluarkan selebih-lebihnya tiga pertanyaan sahaja bagi Jawab Lisan pada satu hari Persidangan Dewan. Pertanyaan-pertanyaan demikian itu mestilah bertanda "Jawab Lisan". Jika seseorang Ahli menghantar lebih daripada tiga pertanyaan bagi Jawab Lisan, beliau hendaklah menandakan pada tiap-tiap pertanyaan itu akan tarikh mesyuarat beliau berkehendakkan jawapan kepada pertanyaan itu.
2. Sesuatu Pertanyaan itu hendaklah terang maksudnya:-

- (i) Tidak boleh melebihi empat puluh perkataan tanpa mengira nama dan kawasan ahli yang bertanya dan Menteri yang bertanggungjawab;

Catatan

Selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 23(1)(r)(i), mana-mana pertanyaan yang tidak mematuhi peruntukan ini akan di TOLAK

- (ii) Tidak boleh mengandungi lebih daripada dua pertanyaan yang berlainan atau gabungan lebih daripada dua pertanyaan; dan
- (iii) Ayatnya hendaklah disusun dengan terang dan betul dan hendaklah dimulakan seperti berikut:  
 "(Nama Ahli) minta Menteri .....  
 menyatakan ....."

3. Sesuatu pertanyaan hendaklah benar-benar bertepatan dengan syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 23(1). Selain daripada itu sesuatu pertanyaan hendaklah kena mengena dengan tanggungjawab sesebuah Kementerian atau Jabatan Persekutuan, dan tidak berkaitan dengan perkara dalam tanggungjawab sesebuah Kerajaan Negeri (Lihat Senarai II dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan).

### USUL-USUL

(Lihat Peraturan-peraturan Mesyuarat 4(1), 17, 18, 25, 26, 27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 43, 53(4), 66(9) 86 (5) dan Perlembagaan Persekutuan Perkara 127)

4. Sesuatu Usul hendaklah dikarang dengan terang dan betul. Seseorang Ahli yang menghantar lebih daripada satu Usul untuk Mesyuarat ini hendaklah menentukan susunan usulnya, yakni yang mana usul yang hendak didahulukan dan yang mana hendak dikemudiankan.

### RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA AHLI YANG BUKAN AHLI KERAJAAN

(Lihat Peraturan-peraturan Mesyuarat 49, 50, 51 dan Perlembagaan Persekutuan Perkara 67)

5. Setiap Usul bagi memasukkan Rang Undang-undang bukan Ahli Kerajaan hendaklah disertakan satu usul dan satu naskhah Rang Undang-undang itu berserta dengan huraian mengenai tujuan-tujuan dan sebab-sebabnya. Seseorang Ahli yang menghantar lebih daripada satu Rang Undang-undang hendaklah menentukan susunan Rang Undang-undangnya, yakni yang mana Rang Undang-undang yang hendak didahulukan dan yang mana hendak dikemudiankan.